



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

BILANGAN 4 TAHUN 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua Polis Negara, Bahagian Kewangan

Pengarah Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)

Semua Ketua Akauntan Kementerian

Semua Pengarah Negeri dan Cawangan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

Semua Pusat Gaji

TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2017

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan:-

- 1.1 Tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2017; dan
- 1.2 Peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh kementerian/jabatan bagi memastikan penyediaan gaji dapat diuruskan dengan sempurna dan gaji dibayar mengikut jadual yang ditetapkan.

2. TARIKH PEMBAYARAN GAJI

Tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2017 adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan ianya ditetapkan berdasarkan Arahan Perbendaharaan 105.

3. PERATURAN PEMBAYARAN GAJI

3.1 Bayaran Gaji Melalui Sistem Gaji Berkomputer

Untuk memastikan Pejabat Perakaunan (PP) dapat membuat pembayaran gaji mengikut tarikh yang ditetapkan, Pusat Gaji dikehendaki mematuhi perkara-perkara berikut:-

- a) Menghantar semua Borang Perubahan Gaji (Kew.320) yang lengkap beserta dokumen sokongan mengikut jadual yang akan ditetapkan oleh PP bagi mengelakkan sebarang kelewatan. Hanya salinan kad pengenalan baharu sahaja diterima bagi pemprosesan gaji melalui sistem gaji berkomputer.
- b) Borang Kew.320 bagi kes kemasukan yang diterima lewat daripada tarikh yang ditetapkan oleh PP, perubahan gaji tersebut akan dikemaskini dan diproses secara berasingan (*Separate Cycle*) bagi membolehkan bayaran dibuat selewat-lewatnya pada hari akhir bekerja bulan tersebut.
- c) Menyemak maklumat dalam Fail Induk Gaji sebaik sahaja e-Penyata Gaji & Laporan yang berkenaan dapat dimuat turun dari portal rasmi JANM (www.anm.gov.my) dan mengambil tindakan serta merta untuk membuat pelarasan dan pembetulan jika perlu. Kesilapan yang perlu dibetulkan dalam Fail Induk Gaji termasuk butir-butir peribadi, nombor akaun

bank dan nombor rujukan yang diberi oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Cukai Pendapatan, Pinjaman Perumahan Kerajaan dan sebagainya;

- d) Semua arahan bagi membuat potongan gaji hendaklah lengkap dan tepat seperti nama, nombor kad pengenalan baharu dan nombor rujukan potongan. Kesilapan dan kegagalan dalam memberi maklumat tersebut akan mengakibatkan potongan gaji tidak dapat dikreditkan ke akaun yang betul. Kesilapan ini juga akan menimbulkan kelewatan semasa penyediaan kertas pencen penjawat awam. Untuk mengatasi masalah ini semua Borang Kew.320 perlu disokong dengan salinan kad pengenalan baharu dan dokumen yang membuktikan nombor rujukan potongan tersebut; dan
- e) PP hendaklah memastikan semua pembayaran gaji penjawat awam yang berjawatan tetap hendaklah dibayar melalui Sistem Gaji Berkomputer dan sebarang pembayaran melalui baucar bayaran berasingan boleh dibenarkan bagi kes-kes tertentu dengan kelulusan Pengarah Negeri dan Cawangan JANM/ Ketua Akauntan Kementerian.

3.2 Pembayaran Gaji Bagi Pekerja Bergaji Hari

- a) Baucar bayaran hendaklah dihantar pada 1 haribulan atau hari bekerja pertama bulan berikutnya; dan
- b) Tarikh pembayaran gaji melalui Sistem Gaji Berkomputer adalah pada hari keempat (4) bekerja bulan berikutnya.

4. PENUTUP

- 4.1 Semua Kementerian / Jabatan Persekutuan hendaklah mematuhi peraturan seperti di perenggan 3 bagi memastikan pembayaran gaji dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- 4.2 Surat Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HJ. CHE PEE BIN SAMSUDIN C.A (M))
Akauntan Negara Malaysia

28 November 2016

s.k :

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Ketua Audit Negara
Semua Pegawai Kewangan Negeri
Semua Akauntan/Bendahari Negeri
Semua Badan Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

TARIKH PEMBAYARAN GAJI BULANAN BAGI TAHUN 2017

BULAN	TARIKH	HARI	CATATAN
JANUARI	19.01.2017	KHAMIS	Tahun Baru Cina 28 (Sabtu) & 29 (Ahad) Januari 2017
FEBRUARI	23.02.2017	KHAMIS	
MAC	23.03.2017	KHAMIS	
APRIL	25.04.2017	SELASA	
MEI	25.05.2017	KHAMIS	
JUN	15.06.2017	KHAMIS	Hari Raya Puasa 25 (Ahad) & 26 (Isnin) Jun 2017
JULAI	25.07.2017	SELASA	
OGOS	24.08.2017	KHAMIS	
SEPTEMBER	25.09.2017	ISNIN	
OKTOBER	11.10.2017	RABU	Hari Deepavali 18 Oktober 2017 (Rabu)
NOVEMBER	23.11.2017	KHAMIS	
DISEMBER	21.12.2017	KHAMIS	